

**NO. SOALAN: 102**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**SOALAN : 102**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah kejayaan dan keberkesanan daripada penubuhan Mahkamah Khas Rasuah ke arah pencegahan amalan rasuah di negara ini.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman YB Kota Bharu, Objektif utama penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah adalah untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak dan untuk mempercepatkan perbicaraan kes-kes rasuah. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kes-kes rasuah yang selesai perbicaraan dalam tempoh setahun akan menunjukkan kebarangkalian yang tinggi dalam kadar sabitan berbanding tempoh

yang lama untuk perbicaraan dan rayuan yang secara puratanya mengambil masa lebih dari 8 tahun. Ini kerana sebab-sebab tertentu seperti ingatan saksi semakin pudar mengenai fakta kes, saksi menghilangkan diri, saksi menukar pengakuan dan juga saksi-saksi meninggal dunia sebelum perbicaraan. Oleh itu, salah satu inisiatif di bawah NKRA membanteras rasuah adalah menyelesaikan perbicaraan kes rasuah dalam tempoh setahun.

Bagi mencapai inisiatif ini, sebanyak 14 Mahkamah Sekyen Khas Rasuah telah ditubuhkan di seluruh Malaysia yang telah beroperasi sepenuhnya mulai 16 Februari 2011. Hakim-hakim dan Timbalan Pendakwaan Raya yang berpengalaman ditugaskan khusus untuk mengendalikan kes-kes rasuah di Mahkamah Sekyen Khas Rasuah. Dengan pengkhususan sedemikian, hakim-hakim dapat memberi tumpuan untuk meneliti kes-kes rasuah yang dibicarakan kerana mereka tidak perlu mengendalikan kes-kes yang lain.

Mahkamah Sesyen Khas Rasuah telah memenuhi matlamat penubuhannya apabila 571 kes tertunggak sejak 2009 telah selesai sepenuhnya pada tahun 2012. Tempoh perbicaraan juga semakin singkat apabila kebanyakan kes-kes yang dipertuduhkan diselesaikan pada tahun yang sama dengan hanya sebahagian kecil yang diselesaikan pada tahun berikutnya.

Kadar sabitan juga telah meningkat berbanding sebelum penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah ini. Statistik menunjukkan kadar sabitan kes-kes rasuah pada 2009 adalah sebanyak 54% tetapi melonjak kepada 85% pada 2012. Kadar ini menurun sedikit kepada 78% pada 2014 dan 77% pada 2015. Namun begitu, mengambil kira

kompleksiti dan kesukaran dalam pendakwaan kes rasuah, kadar sabitan melebihi 75 peratus boleh dianggap amat baik.

Adalah diharapkan, dengan tempoh penyelesaian kes yang lebih singkat serta peningkatan kadar sabitan, akan meningkatkan sokongan orang ramai dalam usaha membanteras rasuah. Mereka juga tidak merasa terbeban untuk menjadi saksi bagi kes-kes rasuah kerana tidak lagi perlu memberikan komitmen yang terlalu lama untuk menghadiri perbicaraan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

**SOALAN : NO. 103**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan lagi Universiti Awam di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau cawangannya dibuat setelah mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Setakat ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) belum bercadang untuk menubuhkan IPTA baharu di negara ini. Fokus KPT buat masa ini adalah untuk memperkasakan IPTA sedia ada.